



# **MAJLIS PERBANDARAN SÉBERANG PERAI**

## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
YANG DIPERTUA MPSP**

## **SEMPENA**

**MAJLIS CABUTAN BERTUAH DAN  
PENYAMPAIAN HADIAH SEMPENA  
PROMOSI CUKAI PINTU 2018**

**16 APRIL 2018 (ISNIN)**

**3.00 PETANG**

**PERKARANGAN LOBI  
MENARA MPSP, BANDAR PERDA  
BUKIT MERTAJAM**

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmud**  
Setiausaha Perbandaran  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Raka -Rakan Media**

**Yang Diraikan Pemenang–Pemenang Cabutan Bertuah**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan Salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Cabutan Bertuah dan Penyampaian Hadiah Sempena Promosi Bayaran Cukai Pintu 2018.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pemenang Cabutan Bertuah Sempena Promosi Bayaran Cukai Pintu 2018 atas kerjasama serta komitmen tuan/puan menjelaskan cukai pintu dalam masa yang ditetapkan. Sebagai Yang Dipertua MPSP, saya amat berbangga diatas kesedaran dan keperihatinan warga Seberang Perai menjelaskan bil cukai taksiran demi kelangsungan Seberang Perai yang lebih progresif serta kondusif.

**Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

Program Promosi Bayaran Cukai Pintu yang dilaksanakan setiap tahun telah mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada warga Seberang Perai.

Pada 22 Mac 2018 yang lalu, cabutan nama-nama pemenang telah dibuat oleh Yang Dipertua, Ahli-Ahli Majlis dan Tuan Setiausaha Perbandaran. 55 pemenang kategori online/agensi/bank/kiosk serta 10 pemenang bagi kategori kaunter telah ditentukan. Hadiah-hadiah yang disediakan adalah terdiri daripada Mountain Bike, basikal, telefon pintar, tab, barang elektrik dan elektronik serta perkakasan rumah.

Pada tahun 2018, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meneruskan pemberian pengecualian cukai pintu bagi rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah kampung. Kerajaan Negeri juga memberikan pengurangan cukai pintu atau rebat sebanyak 10% bagi tahun 2018 untuk lain-lain kategori premis berbanding 6% pada tahun 2017. Walaupun Kerajaan Negeri telah memberi pengecualian dan rebat, MPSP tetap mengadakan promosi cukai pintu ini sebagai galakan dan dorongan kepada warga Seberang Perai untuk membayar cukai taksiran.

### **Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

Bagi promosi kali ini, hadiah kategori online/agensi/bank/kiosk adalah lebih banyak berbanding tahun sebelum ini. Untuk tahun 2018, sebanyak 55 hadiah disediakan bagi kategori online/agensi/bank/kiosk

manakala sebanyak 10 hadiah disediakan bagi kategori kaunter. Ini adalah bertujuan untuk menggalakkan orang awam supaya membayar cukai taksiran di saluran-saluran alternatif yang disediakan selain daripada kaunter MPSP yang mana ianya lebih mudah, cepat dan pantas tanpa perlu datang ke kaunter untuk membuat bayaran.

Untuk makluman semua, dalam tempoh promosi Cukai Pintu 2018 jumlah transaksi bagi online/agensi/bank/kiosk adalah sebanyak 71,843 berbanding tempoh promosi tahun 2017 sebanyak 57,890 transaksi. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 19.02%. Ini secara tidak langsung menunjukkan orang awam telah mula menggunakan saluran online/agensi/bank/kiosk untuk membuat bayaran dan dalam masa yang sama ianya dapat menjimatkan masa, kos serta mengurangkan pengeluaran karbon daripada pembakaran petrol/diesel selari dengan visi dan misi MPSP untuk menjadi sebuah bandaraya rendah karbon menjelang 2022. Antara usaha serta program yang telah diadakan :-

1. Pemasangan Panel Solar.
2. Program “Forest Bathing”.
3. Pelancaran Taman Upcycle pertama di Malaysia.
4. Pengantian 585 unit lampu LED.
5. Penyediaan laluan berbasikal.

MPSP juga ke arah menjadi Bandaraya Pintar menjelang 2022. Sehubungan dengan itu, MPSP berhasrat untuk mewujudkan “Cyber Counter” dimana warga Seberang Perai tidak perlu lagi menunggu untuk mendapatkan giliran untuk urusan di kaunter bayaran. Semua urusan dapat diselesaikan dengan cepat, mudah dan pantas. Bagi merealisasikan hasrat ini, satu program khas akan diadakan pada bulan Julai 2018 yang diberi nama Hackfest MPSP. Hackfest MPSP adalah sebuah acara di mana pemaju, pekerja kerajaan, pereka, wartawan, saintis data, pekerja bukan keuntungan, pereka UX, dan penduduk yang mengambil berat tentang komuniti mereka bersama-sama memanfaatkan kemahiran mereka untuk membantu komuniti mereka dengan membina penyelesaian atau perkhidmatan. Antara usaha-usaha lain ke arah menjadikan Seberang Perai sebuah bandaraya pintar menjelang 2022 adalah :-

1. Penubuhan Jabatan Teknologi Informasi dan Komunikasi yang dahulunya dikenali sebagai Bahagian Teknologi Maklumat.
2. Pelancaran Portal Open Data.
3. Pembentukan Task Force Smart City.

Akhir kata, terima kasih kepada rakyat yang telah menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MPSP selama ini dan menyeru penglibatan seluruh warga Seberang Perai untuk menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan oleh MPSP ke arah Seberang Perai

Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh teknologi.

**Sekian,**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh.***

**Terima kasih.**